

24/11/1999

Zhu puji rakyat hadapi krisis ekonomi

PUTRAJAYA, Selasa - Perdana Menteri China, Zhu Rongji hari ini mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia kerana bersatu padu ketika menghadapi krisis kewangan Asia.

"Hasil kesepaduan dan usaha secara bersama itu, rakyat Malaysia berjaya mengharungi krisis dan memulihkan ekonomi negara.

"Tahniah kepada rakyat Malaysia," katanya dalam ucapan ringkas selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama hampir dua jam di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Selepas pertemuan itu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani tiga dokumen perjanjian untuk kerjasama kebudayaan, penubuhan institusi perbankan di wilayah kedua-dua negara dan aturan program pertukaran haiwan.

Kejayaan keluar dari krisis ekonomi turut mendapat perhatian wartawan China yang mengiringi Zhu dan rombongannya.

Ketika diminta oleh wartawan republik itu untuk mengulas mengenai unjuran pertumbuhan ekonomi di rantau ini, Dr Mahathir berkata, hampir semua ekonomi di Asia Timur sudah pulih dan mereka dijangka mencatat pertumbuhan lebih baik tahun depan.

"Bagaimanapun, masa lebih lama diperlukan sebelum semua ekonomi di rantau ini mencatatkan pertumbuhan pada paras sebelum krisis.

"Ini kerana kita perlu berhati-hati memandangkan kuasa yang menjadi penyebab keranapan ekonomi pada 1997 masih wujud. Mereka mungkin melancarkan serangan sekali lagi bila-bila masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berada dalam keadaan lebih baik berbanding negara lain di rantau ini kerana melindungi mata wangnya daripada serangan spekulator menerusi langkah kawalan tukaran asing.

Dalam mesyuarat dua hala itu, Malaysia dan China bersetuju untuk tidak tergesa-gesa mencari penyelesaian terhadap isu berbangkit antara kedua-dua negara terutama mengenai pertikaian membabitkan Kepulauan Spratly.

Dr Mahathir dan rakan sejawatnya dari China mempunyai pendirian yang sama iaitu menyelesaikan sebarang masalah berbangkit menerusi perundingan.

"Kita juga bersetuju bahawa perundingan ini tidak perlu dipercepatkan tetapi memberi cukup masa supaya masalah dapat diselesaikan secara berhati-hati," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan China mempunyai banyak persamaan dan berkongsi pendekatan berhubung isu serantau dan antarabangsa. Hubungan kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan dan jalinan rapat dapat dilihat daripada kesediaan Zhu membalas kunjungannya ke China, dalam masa singkat.

Dr Mahathir melawat China pada Ogos lalu sempena ulang tahun ke-25 jalinan hubungan diplomatik Beijing-Kuala Lumpur.

Zhu yang turut mengulas mengenai perbincangan itu berkata, dalam lima sesi rasmi dan tidak rasmi antara beliau dan Dr Mahathir sejak semalam, mereka bersetuju bahawa tidak ada sebarang masalah yang begitu mendesak antara kedua-dua negara yang tidak boleh diselesaikan menerusi rundingan.

Perbincangan itu turut meliputi beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Dr Mahathir ketika melawat China termasuk meningkatkan kerjasama ekonomi.

(END)